# BORANG PERMOHONAN SEWA PETAK LETAK KERETA BERMUSIM

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**
**MAJLIS DAERAH YONG PENG**
**NO. TEL : 07-4671276-EXT 116 NO. FAX : 07-4671712**

## BORANG PERMOHONAN

### A. MAKLUMAT PEMOHON

| | |
|---|---|
| **NAMA PEMOHON/SYARIKAT** | |
| **NO.KAD PENGENALAN/NO.PENDAFTARAN SYARIKAT** | |
| **NO.TELEFON** | |
| **TARIKH PERMOHONAN** | |

### B. BUTIRAN SEWAAN

| | |
|---|---|
| **JUMLAH PETAK YANG INGIN DISEWA** | |
| **LOKASI PETAK (NO.PETAK/NAMA JALAN)** (sila lampirkan gambar kedudukan petak letak kereta yang dipohon) | |
| **TEMPOH PENYEWAAN**<br><br>**TARIKH MULA :**<br>**TARIKH AKHIR :** | ☐ **6 BULAN** ☐ **12 BULAN** |
| **SEWA YANG DIKENAKAN** | **RM** |

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala butiran yang dinyatakan di atas adalah benar. Saya juga bersetuju mematuhi syarat-syarat pembaharuan penyewaan petak letak kereta bermusim yang ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Yong Peng.

(Tandatangan Pemohon & Cop Syarikat)

| **STATUS PERMOHONAN** | **BUTIRAN BAYARAN** | |
|---|---|---|
| ☐ Permohonan **diluluskan**<br>☐ Permohonan **ditolak** | Tarikh Bayaran :<br><br>No.Resit : | b.p Yang Dipertua<br>Majlis Daerah Yong Peng |

**Tempoh Mulai:** ☐ **Tempoh berakhir pada:** ☐

# SYARAT –SYARAT PERMOHONAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM/PETAK KHAS MAJLIS DAERAH YONG PENG

## Permohonan

1. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan borang permohonan yang disediakan bersertakan:
   **a. Salinan Lesen Perniagaan yang sah tempohnya.**
   **b. Salinan Pendaftaran Perniagaan SSM**
   **c. 1 gambar kedudukan petak/tapak**

2. Permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada:

   **Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (Kaunter 5)**
   **Majlis Daerah Yong Peng**
   **Tel: 07-4671276-ext 116**
   **No. Fax: 07-4671712**

3. Keputusan permohonan akan dimaklumkan oleh pihak MDYP setelah permohonan diproses.

4. Keputusan MDYP adalah muktamad.

## Kadar Bayaran

Kadar bayaran yang dikenakan sebanyak RM 120.00 sepetak untuk tempoh satu bulan. Bayaran hendaklah dibuat untuk tempoh 6 bulan atau 12 bulan.

## Penyediaan Petak Bermusim

Pihak MDYP akan memastikan petak-petak yang disewa dicat mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

## Membatalkan Kelulusan Sewa Petak Letak Kereta Bermusim

MDYP berhak membatalkan kelulusan sewa petak letak kereta bermusim atas sebab-sebab:

a. Penyewa tidak membayar sewa petak pada tarikh yang ditetapkan
b. Penyewa melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan oleh MDYP.
c. MDYP mendapati kemudahan seumpama ini perlu dihentikan atas sebab-sebab keselamatan, kesibukan lalulintas dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu dan munasabah. Dalam hal ini penyewa akan dimaklumkan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tindakan pembatalan dibuat.

## Menamatkan Penyewaan Petak Letak Kereta Bermusim

Penyewa dikehendaki memberitahu Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta secara bertulis satu bulan sebelum tarikh menamatkan sewaan sekiranya ingin menamatkan penyewaan tersebut.

## Pindaan Syarat

MDYP dari masa ke semasa berhak meminda, menambah atau memansuhkan mana-mana syarat kemudahan sewa petak letak kereta bermusim apabila difikirkan perlu.

## Lain-lain

1. MDYP tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana kereta yang diletakkan di petak bermusim atau lain-lain kegunaan petak tanpa izin penyewa.
2. MDYP tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana kenderaan atau kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan yang terletak di mana-mana petak letak kereta bermusim.